

RINGGIT

RAKAN
KEWANGAN
ANDA

FEBRUARI 2013

Langkah Mudah Untuk Tuntutan Pelepasan Cukai

ISSN 2180-3684



9 772180 368003



GABUNGAN
PERSATUAN-PERSATUAN
PENGGUNA MALAYSIA



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sidang Redaksi

Penasihat

Datuk Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor

Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu bt Zakaria
Yu Kin Len

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia

No. 1D-1, Bangunan SKPPK Jalan SS9A/17

47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009

Faks : 03-7877 1076

E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel :03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:

Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)

No. 1D-1, Bangunan SKPPK Jalan SS9A/17

47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392

Faks : 03-7875 5468

E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang: www.crcc.org.my

Dicetak oleh:

فرجيتنک اساس جاے (میلیسیا) سندبرن برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd

No. 5, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

Langkah Mudah Untuk Tuntutan Pelepasan Cukai



30 April adalah merupakan tarikh akhir untuk memfailkan cukai tahunan anda. Anda boleh memilih sama ada untuk memfailkan cukai di pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) atau menggunakan kemudahan e-filing. Sebagai pembayar cukai, anda biasanya mempunyai beberapa soalan dalam minda: "Apakah cara yang paling mudah untuk menuntut pelepasan cukai"?

Berikut adalah 7 langkah mudah untuk menuntut pelepasan cukai apabila memfailkan cukai pendapatan anda.

1. Memaksimumkan potongan untuk buku, insurans dan komputer

Dalam usaha menggalakkan tabiat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia, Kerajaan membenarkan anda menuntut pelepasan cukai sehingga RM1,000 bagi pembelian buku dan majalah. Ini termasuk buku-buku elektronik yang dibeli daripada Amazon.com atau Applestore Apple Inc's. Ingat! simpan resit pembelian buku anda.

Jika potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tahunan anda tidak mencapai RM6,000, anda boleh menambah jumlah KWSP dengan jumlah bayaran insurans anda. Potongan KWSP tahunan anda (ditambah dengan bayaran insurans) adalah dikecualikan cukai sehingga RM6,000.

Anda juga boleh menuntut pelepasan cukai sehingga RM3,000 untuk pembelian komputer, tablet atau iPad baru. Ramai yang tidak tahu bahawa iPad atau tablet dianggap komputer peribadi dan layak mendapat pelepasan cukai selagi ciri-cirinya tidak membuat panggilan telefon atau menggunakan khidmat pesanan ringkas (SMS). Walau bagaimanapun, anda hanya dibenarkan untuk



menuntut pengecualian ini setiap tiga tahun sekali.

2. Anak melayakkan anda mendapat pelepasan RM1,000

Sekiranya anda mempunyai anak, anda berhak mendapat pelepasan sebanyak RM1,000 bagi setiap orang anak.

3. Pembelian peralatan sukan

Anda dibenarkan untuk memfailkan pelepasan cukai bagi pembelian peralatan sukan dengan kadar maksimum sebanyak RM300, seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997. Pastikan anda menyimpan resit sebagai dokumen sokongan.

Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa keahlian pusat kecergasan dan caj sesi latihan peribadi tidak layak mendapat pelepasan cukai kerana ia tidak dikategorikan sebagai peralatan sukan.

4. Memfailkan cukai secara berasingan sekiranya anda berkahwin

Jika anda dan pasangan mempunyai pendapatan masing-masing, pertimbangkan untuk memfailkan

cukai anda secara berasingan. Langkah ini dapat mengurangkan kesan terhadap kadar cukai.

5. Pembantu Rumah bagi penjagaan khas terhadap ibu bapa anda

Pembayar cukai juga boleh menuntut potongan cukai sehingga RM5,000 (di bawah perbelanjaan perubatan) bagi pengambilan pembantu rumah untuk ibu bapa anda yang memerlukan penjagaan khas. Walau bagaimanapun, anda perlu mendapatkan pengesahan daripada doktor bahawa ibu bapa anda memerlukan penjagaan khas.

6. Jimat elauan petrol anda bagi perjalanan ke atas tugas rasmi

Bagi pekerja yang diberi elauan petrol untuk perjalanan yang dibuat ke atas tugas rasmi, anda boleh menuntut pengecualian cukai sehingga RM6,000 setahun. Amalkan perancangan lebih awal dengan merekodkan perjalanan anda setiap hari dan tujuan perjalanan. Selagi perjalanan anda adalah berkaitan urusan rasmi, anda boleh membuat tuntutan dengan syarat ia tertakluk kepada elauan petrol had tahunan anda.

7. Isytiharkan pendapatan sewa anda dan sentiasa menyimpan rekod dengan betul

Jika anda memiliki harta yang disewakan, anda perlu mengisyiharkan pendapatan sewa tersebut. Anda akan menghadapi risiko besar jika tidak mengisyiharkan pendapatan. Contoh, sekiranya rumah anda disewakan kepada ekspatriat. Ekspatriat biasanya akan membuat tuntutan terhadap syarikat mereka dan syarikat adalah tertakluk kepada pengaudit cukai.

Akhir sekali, anda perlu jujur dan menghormati undang-undang semasa memfailkan cukai tahunan anda. Sentiasa tingkatkan pengetahuan anda terhadap maklumat pengecualian cukai seperti syarat dan kelayakkan pengecualian cukai. Ingat! Simpan dan dokumentkan segala perbelanjaan anda secara terancang. Ia akan memudahkan anda untuk memfailkan cukai anda pada masa akan datang.

Artikel perancangan kewangan dan pelaburan ini merupakan salah satu usaha berterusan SIDC dalam melahirkan pelabur yang arif dan berpengetahuan dalam pasaran modal. Selain itu, SIDC turut meningkatkan tahap kesedaran mengenai pelaburan bijak dan pengurusan kewangan melalui seminar dan bengkel pendidikan pelabur yang disasarkan untuk pelbagai lapisan masyarakat, seperti pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi, ibu bapa, wanita dan pekerja kolar putih dan biru. Untuk maklumat lanjut, layari www.min.com.my, hubungi 03-6204 8889 atau lawati Facebook kami di www.facebook.com/BMWSIDC.

Kebaikan Urus Hutang Secara Bijak



Anda memerlukan dorongan dan disiplin untuk menguruskan hutang dengan bijaksana. Berikut adalah kebaikan mengurus hutang secara efektif:-

1. Pengurusan aliran tunai yang lebih baik

Jika anda berjaya mengawal hutang pada tahap yang terkawal, anda akan mempunyai lebihan wang untuk tabungan, dan seterusnya mempunyai kedudukan aliran tunai yang positif.

Memiliki aliran tunai yang positif adalah perlu kerana anda mempunyai dana berlebihan untuk membantu membina tabung kecemasan, mengurangkan hutang dan juga boleh memanfaatkan peluang pelaburan yang baik.

Aliran tunai positif boleh dicapai sekiranya anda mempunyai bajet dan memantaunya dengan baik.

2. Pengurusankekayaan yang lebih baik.

Sebahagian besar proses membinakekayaan memerlukan anda membuat keputusan bijak mengenai hutang. Melalui pengurusan hutang yang bijak, anda mengurangkan liabiliti sambil meningkatkan kedudukan nilai harta bersih. Semua ini secara efektif akan membawa kepada pengurusankekayaan yang lebih baik.

3. Mengelak bayaran lewat dan caj penalti

Jadilah seorang pembayar hutang yang

berhemat!. Lebih cekap anda mengurus hutang, maka lebih banyak penjimatan faedah dan caj lain yang anda peroleh.

Ambillah langkah pertama dengan membayar hutang anda mengikut jadual.

4. Mengurangkan kos pinjaman

Anda boleh melangsankanhutang dengan cepat jika mengurus hutang secara bijak dan sentiasa memantaunya. Lebih cepat anda melangsankanhutang, maka lebih banyak penjimatan kos faedah anda peroleh.

5. Meningkatkan kedudukan kredit

Pengurusan hutang yang bijak akan membantu anda membina rekod kredit yang lebih baik bagi memudahkan anda mengambil pinjaman pada masa hadapan. Ini adalah kerana rekod pembayaran anda akan dijejak melalui Biro Kredit Bank Negara Malaysia.

Setiap kali anda meminjam daripada Institusi Kewangan Berlesen, semua hutang dan rekod pembayaran anda akan dicatatkan. Oleh itu, sekiranya anda pernah terlewat atau gagal menjelaskan pinjaman, ini mungkin boleh menjelaskan keupayaan anda untuk memperoleh pinjaman pada masa hadapan. Pertimbangan permohonan pinjaman juga bergantung kepada beberapa faktor, antaranya profil pemohon, status kewangan dan kemampuan pemohon untuk membayar balik pinjaman.

.... bersambung ke muka 6

Pelan Takaful Pendidikan Anak

Pelan Takaful Pendidikan Anak (PTPA) ialah pelan takaful yang memberikan perlindungan dan simpanan jangka panjang untuk membiayai perbelanjaan pendidikan tinggi anak anda. Anak anda akan disediakan dengan manfaat kewangan jika anda ditimpa tragedi yang dilindungi di bawah pelan ini. Pada masa yang sama, anak anda akan mempunyai simpanan jangka panjang (dana pendidikan) untuk pendidikan tinggi mereka.

Jika anda menyertai PTPA, anda juga layak memperoleh pelepasan cukai pendapatan sehingga maksimum RM3,000 setahun bagi kombinasi kedua-dua pelan perubatan dan pendidikan. Pelan ini juga menawarkan *rider* atau perlindungan tambahan di bawah takaful keluarga untuk anda dan anak. Perlindungan tambahan atau *rider* ini melindungi anda daripada kemalangan peribadi dan hilang upaya, faedah rawatan hospital, perbelanjaan pengebumian dan penyakit-penyakit kritikal.

Ciri-ciri Utama

- Terbuka kepada semua individu berumur 18 hingga 55 tahun dan anak-anak berumur 15 hari hingga 17 tahun.
- Pilihan tempoh matang yang terhad.
- Tidak ada rampasan (*no forfeiture*) jika berlaku pembatalan.
- Kemudahan pengeluaran sebahagian dana.
- Perkongsian lebihan dengan pengendali takaful.
- Memperuntuk simpanan dan pelaburan jangka panjang.



Memilih Pelan Takaful

Jika anda berminat untuk mendapatkan PTPA, sentiasalah:

- Memilih pelan yang benar-benar sesuai dengan keperluan anda.
- Mengenali jenis takaful yang ada serta kelebihan dan manfaat yang ditawarkan.
- Memahami terma dan syarat penting yang digunakan di dalam PTPA. Sekiranya ada perkara yang anda tidak fahami, ajukan pertanyaan anda kepada ejen atau pengendali takaful untuk memahami maksud terma-terma tersebut.

Jenis Pelan – Asas

a) Takaful Pendidikan Anak Biasa

Anda dan anak anda akan menerima manfaat kewangan apabila berlaku kematian atau hilang upaya kekal, serta simpanan jangka panjang (dana pendidikan), dan keuntungan pelaburan yang akan diagihkan apabila berlaku tuntutan, matang atau penyerahan awal.



b) Takaful Pendidikan Anak Berkaitan Pelaburan

Sebahagian daripada caruman anda digunakan untuk membeli saham, seperti saham ekuiti dan sekuriti berpendapatan tetap. Sebagai tambahan kepada perlindungan takaful biasa yang melindungi kematian dan hilang upaya kekal, unit-unit pelaburan ini akan dijual apabila berlaku tuntutan, matang atau penyerahan awal.

Sebahagian daripada terma penting adalah:-

- **Caruman**

Caruman ialah sejumlah wang yang anda bayar secara berkala kepada pengendali takaful. Anda boleh memilih untuk membayar secara bulanan, suku tahunan, separuh tahunan atau tahunan.

- **Tempoh tangguh**

Jika anda lambat menjelaskan caruman, tempoh tangguh 30 hari akan dibenarkan untuk anda menjelaskan ansuran caruman takaful. Jika anda meninggal dunia semasa tempoh tangguh, waris anda layak membuat tuntutan. Walau bagaimanapun, ansuran caruman takaful yang belum dijelaskan akan ditolak daripada manfaat takaful anda.

- **Tempoh matang**

Lazimnya PTPA matang apabila anak anda mencapai umur 18 hingga 22 tahun.

dari muka 4

6. Mengelakkan gangguan atau tindakan undang-undang

Untuk mengelak tindakan undang-undang, pastikan anda membayar ansuran bulanan tepat pada masanya. Anda perlu sedar bahawa jika anda tertinggal atau tidak membayar ansuran mengikut jadual, kedudukan kredit anda akan terjejas dan si pemutang akan mencari atau menghubungi anda.



“Pengurusan hutang yang baik akan mengeratkan hubungan anda dengan keluarga ...”

7. Hubungan keluarga yang lebih baik

Semakin cekap anda menguruskan hutang, semakin baik hubungan anda dengan ahli keluarga. Sering kali pertelingkahan atau salah faham yang berlaku antara ahli keluarga adalah berpunca daripada masalah kewangan.

Pengurusan hutang yang baik akan mengeratkan hubungan anda dengan keluarga serta kawan dan rakan sekerja.

Ini pasti memupuk suasana yang lebih harmoni di rumah sambil meningkatkan produktiviti di tempat kerja.

Sumber: Power! Pengurusan wang ringgit anda. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Sumber: [infoinsurans](http://infoinsurans.com)

Pinjaman Kereta

Jumlah penggunaan kenderaan persendirian, terutamanya kereta semakin meningkat saban hari. Peningkatan ini memberi pelbagai kesan kepada pengguna terutamanya dari segi kewangan mereka. Kegagalan membayar balik wang pinjaman kereta kepada pihak bank merupakan punca tertinggi ramai orang diisyiharkan bankrap di Malaysia. Menurut statistik Jabatan Insolvensi Malaysia, 25% daripada kebankrapan adalah disebabkan oleh tidak dapat membayar balik sewa beli kenderaan.

Berdasarkan aduan, NCCC mendapati segelintir penjual kereta, terutamanya penjual kereta terpakai, menaikkan harga sebenar kereta yang dijual supaya pembeli mendapat 100% pinjaman. Walaupun ini merupakan satu kesalahan, tetapi penjual sering melakukannya. Tindakan ini sebenarnya membebankan pembeli kerana pembeli terpaksa membayar ansuran bulanan yang tinggi. Hal ini akan menyebabkan pinjaman tidak berbayar, kereta ditarik balik oleh pihak bank, dan dalam sesetengah kes, peminjam diisyiharkan bankrap. Oleh yang demikian, pembeli disyorkan supaya tidak mendesak atau menggalakkan penjual kenderaan untuk menaikkan harga sebenar kenderaan kerana akhirnya ia akan memberi kesan kepada pembeli.

Merujuk pindaan Akta Sewa Beli 1967 yang telah dikuatkuasakan pada 15 Julai 2011, penjual kenderaan tidak dibenarkan memungut bayaran tempahan melebihi 1% daripada jumlah harga kenderaan tersebut. Sekiranya permohonan untuk mendapatkan pinjaman ditolak, penjual hanya berhak untuk menyimpan 10% daripada jumlah wang tempahan yang dipungut dan baki 90% harus

dikembalikan kepada pembeli. Contohnya, pembeli membuat tempahan kereta Myvi berharga RM50,000. Wang tempahan yang boleh dipungut ialah 1% iaitu RM500. Sekiranya pinjaman ditolak, penjual hanya boleh menyimpan RM50, iaitu (10%) dan perlu mengembalikan baki tempahan RM450 (90%) kepada pembeli. Jika penjual enggan memulangkan wang tersebut, pembeli boleh membuat aduan kepada NCCC atau memfailkan kes ini kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TPPM) untuk mendapatkan semula wang tempahan mereka.

Tip Pengguna

- Jika anda ingin membeli kereta, dapatkan jumlah pinjaman yang anda mampu bayar.
- Selain pembayaran ansuran bulanan, memiliki kenderaan juga melibatkan kos lain seperti petrol, bayaran tol, cukai jalan, insurans, parkir kereta, kos penyelenggaraan serta kos membaiki apabila kereta anda rosak.
- Pastikan anda membayar ansuran kereta tepat pada masanya untuk mengelakkan bayaran penalti, ataupun lebih teruk kereta anda ditarik.
- Untuk mendapat nilai maksimum kereta yang dibeli, adalah bijak untuk mengambil jumlah pinjaman yang lebih kecil dengan tempoh bayaran yang lebih singkat.
- Jika anda menjual kereta, pastikan semua pinjaman dijelaskan sebelum hak milik kereta dipindahkan kepada pembeli baru.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) di talian 03-7877 9000 atau myAduan@nccc.org.my.

Ruangan Masalah Kewangan Anda



Soalan 1:

“Saya berhasrat untuk menjual rumah kedua yang dibeli melalui pinjaman bank. Apakah nasihat Tuan mengenai perkara-perkara penting yang perlu saya teliti dan semak sebelum dan semasa saya hendak menjual rumah tersebut. Terima kasih.”

Pengguna runsing.

Ada banyak perkara yang perlu dipertimbangkan apabila menjual rumah, antaranya:

Perihal Pinjaman

- Jika pinjaman perumahan anda masih ada baki belum bayar, sila pastikan perolehan daripada jualan rumah cukup untuk melangsankан baki pinjaman dan kos-kos lain, seperti cukai pintu, cukai tanah, bil-bil utiliti, kos penyelenggaraan dan sebagainya.
- Anda juga perlu mendapatkan “*redemption statement*” daripada pihak bank jika rumah tersebut masih ada baki pinjaman.

Perihal Pindah Milik

- Sila buat semakan di Pejabat Tanah terhadap status harta anda untuk memastikan tiada sekatan atau terdapat syarat-syarat khusus seperti ‘caveat’, penjualan kepada bukan bumiputera dan sebagainya.

Perihal Insurans yang telah dibayar

- Sila buat semakan jika anda boleh menuntut kembali premium insurans yang telah dibayar bagi sepanjang tempoh pinjaman tersebut, seperti MRTA, insurans kebakaran, insurans isi rumah dan sebagainya.

Perihal Cukai Keuntungan Harta Tanah

- Anda mungkin dikenakan cukai yang dikenakan atas keuntungan daripada pelupusan rumah. Sila semak dengan pihak Lembaga Hasil dalam Negeri Malaysia.

Perihal Perjanjian Jual Beli

- Pastikan anda menggunakan perkhidmatan guaman untuk melaksanakan ‘perjanjian jual beli’ untuk memastikan proses penjualan dan pindah hak milik berjalan lancar dan tiada masalah.
- Jika pembeli gagal mendapat pinjaman perumahan dalam tempoh yang ditetapkan, adakah wang pendahuluan yang telah dibayar kepada anda itu akan dituntut kembali daripada anda?

Status Rumah Perumahan Kerajaan Negeri (PKN)

- Jika status rumah anda di bawah PKN, sila dapatkan surat kebenaran sebelum anda menjual rumah tersebut.

Soalan 2:

“Saya telah membuat pinjaman perumahan dengan sebuah institusi perbankan sejak tahun 2001. Oleh sebab saya menghadapi masalah kewangan dan kehilangan pekerjaan, saya tidak dapat membayar ansuran bulanan dengan pihak bank mengikut jadual yang telah ditetapkan. Adakah nama saya akan disenarai hitamkan dan bagaimana saya ingin mengurangkan jumlah pembayaran ansuran bulanan mengikut kemampuan saya?”

Pengguna ingin tahu



Untuk makluman, **Bank Negara Malaysia tidak mempunyai maklumat senarai hitam peminjam**. Sekiranya seseorang itu mempunyai pinjaman, termasuk kad kredit dengan sesbuah institusi kewangan, rekod pinjaman / kad kredit tersebut akan dihantar oleh institusi kewangan terbabit kepada Bank Negara Malaysia melalui *Central Credit Reference Information System* (CCRIS). Maklumat tersebut akan dilaporkan ke dalam CCRIS selagi pinjaman masih belum habis dibayar balik kepada institusi kewangan. Laporan CCRIS boleh didapati dengan dua cara:

1. Datang sendiri dengan membawa MyKad atau pasport (bagi bukan warganegara Malaysia) dan dokumen sokongan lain (seperti lesen memandu, dan sebagainya) yang boleh mengesahkan identiti anda ke Ibu Pejabat Bank Negara Malaysia di alamat berikut:

BNMLINK

Jabatan LINK & Pejabat Wilayah

Tingkat Bawah Blok D
Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
(beroperasi dari hari Isnin hingga Jumaat, kecuali cuti umum, dari pukul 9.00 pagi – 5.00 petang (termasuk waktu makan tengah hari)).

Anda akan diberikan laporan kredit semasa kunjungan tersebut.

Selain di Ibu Pejabat, laporan kredit boleh juga diperolehi daripada Pejabat Wilayah dan cawangan-cawangan Bank Negara Malaysia di Pulau Pinang, Johor Bahru, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu atau Kuching. Sila layari laman sesawang Bank Negara Malaysia untuk alamat dan nombor telefon cawangan-cawangan berkenaan di <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=7&pg=219&ac=96&lang=bn>

2. Mengemukakan permohonan secara bertulis dengan melengkapkan dan menghantar kepada Bank Negara Malaysia borang permohonan laporan kredit berserta dokumen berikut:
 - Borang Permohonan Laporan Kredit (CRR);
 - Borang Perisyntiharhan Pinjaman; (borang boleh dimuat turun daripada <http://creditbureau.bnm.gov.my>)
 - Satu salinan MyKad yang jelas (depan dan belakang) / pasport (bagi bukan warganegara Malaysia); dan
 - Mana-mana dua dokumen sokongan lain berikut (dengan nama dan alamat pemohon tertera dengan jelas pada setiap salinan):
 - o Lesen memandu;

New Credit Application											
Page 1 of 1											
 BINA NEGERA MALAYSIA New Application STYLIC BINA NEGERA MALAYSIA PT CODE: [REDACTED] Date: [REDACTED]											
List of Customers for the Account											
DOC NUMBER:	ID NUMBER 1	ID NUMBER 2	DATE OF BIRTH / REGISTRATION:	NATIONALITY:	MY	Customer Profile:					
NAME:	ID NUMBER 1	ID NUMBER 2	DATE OF BIRTH:	NATIONALITY:	MY	BASIC GROUP: Individual	ID NUMBER 1	ID NUMBER 2	DATE OF BIRTH:	NATIONALITY:	MY
POST BY BIRMELEEN											
Summary (1-4) Detailed Credit Report (5-6)											
AS BORROWER (including customer's own/borrower programme/borrowing account)											
No.	Date	STI Capacity	Lender	Type	Established Date	Balance	Last Update	From	To	Contract of account	I.G. State credit risk
Outstanding Credit											
1	05/11/1995	Own	CB	CB	05/11/1995	RM0.00	05/11/2001	05/11/1995	05/11/2001	05/11/1995	05/11/2001
2	23/02/2001	Own	CB	CB	23/02/2001	34,000.00	30/06/2001	23/02/2001	30/06/2001	23/02/2001	30/06/2001
3	04/05/2001	Own	CB	CB	04/05/2001	RM0.00	30/06/2001	04/05/2001	30/06/2001	04/05/2001	30/06/2001
Total Credit											
Authorization for Credit											
1	10/10/2000	P	Own	Own	10/10/2000	RM0.00	05/11/2001	10/10/2000	05/11/2001	10/10/2000	05/11/2001
2	05/05/2001	A	Own	Own	05/05/2001	RM0.00	30/06/2001	05/05/2001	30/06/2001	05/05/2001	30/06/2001
A C											
B											
C											
STI AS BORROWER											
NO.	DATE	STI	CAPACITY	LENDER	FACILITY	TOTAL OUTSTANDING BALANCE (RM)	DATE UPDATED	LIMIT (RM)	PRIN. RECD. TERM	COL. TYPE	CONDUCT OF ACCOUNT FOR LAST 12 MONTHS
OUTSTANDING CREDIT											
1.	22/11/1995	O	OWN	RCB	OPCPCHD	700,300	15/11/2001	1,900,000	MTH	10/21	0000000000000003
2.	18/05/1994	O	PARTNER	CB01	VRDRDRAFT	500,000	31/10/2000	8,900,000	IDF	40	
3.	26/05/1992	O	OWN	CB02				18,000,000			
		O			TRECEIPT	45,000	31/10/2000		BUL	30	0000000000000000
		O			UVDRDRAFT	1,340,000	31/10/2000		IDF	40	
		O			FRESHPCR	500,000	31/10/2001		BUL	40	0000000000000000
						3,245,000		16,000,000			
SPECIAL ATTENTION ACCOUNT											
4.	20/03/2000	O	OWN	CB02	OTLNFRICE		31/12/2002				11 16/12/2002
5.	13/07/2001	JOBIT	RFC		HLFNMPMS		28/02/2003				
APPLICATION FOR CREDIT											
6.	23/10/2000	P	OWN	CB02				10,000			
7.	02/06/2000	A	OWN	RFC				540,000			
II. SUMMARY CREDIT REPORT											
WARNING											
1. TOTAL NO. OF CREDIT APPLICATIONS											
A. APPROVED FOR PAST 12 MONTHS											
B. PENDING AS OF TODAY											
2. TOTAL NO. OF CREDIT APPLICATIONS											
NO. OF APPLICATIONS TOTAL AMOUNT (RM)											
01 520,000											
01 10,000											
3. SUMMARY OF POTENTIAL & CURRENT LIABILITIES											
OUTSTANDING (RM) TOTAL LIMIT (RM) FEC LIMIT (RM)											
(Exclude FEC) (Exclude FEC) (Exclude FEC)											
A. AS BORROWER 11,745,000 17,118,300 0											
B. AS GUARANTOR 20,000,000 0 0											
C. TOTAL 21,745,000 0 0											

- o Bil seperti bil air, bil elektrik, bil telefon, bil ASTRO, dll
 - o Penyata akaun bank;
 - o Penyata kad kredit; atau
 - o Penyata KWSP.

Sila hantar melalui pos, atau faksimile atau e-mel borang yang dilengkapkan berserta dokumen sokongan ke alamat berikut:

BNMTELELINK
Jabatan LINK & Pejabat Wilayah
Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Faksimile : 03-2174 1515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

Selain daripada CCRIS, pengguna juga boleh mendapat maklumat pembiayaan/pinjaman mereka daripada mana-mana Agensi Pelaporan Kredit seperti CTOS Sdn Bhd (CTOS), Financial Information Services Sdn Bhd (FIS), Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd (CBM), Dun & Bradstreet (Malaysia) Sdn Bhd (D&B) dan RAM Credit Information Sdn Bhd (RAMCI).

Cara mengurangkan jumlah pembayaran dengan dua cara:

1. Berbincang sendiri dengan pihak bank anda untuk membuat penjadualan semula bayaran balik;
 2. Memohon bantuan AKPK, sila hubungi 1-800-88-2575 untuk maklumat lanjut.

“Sekiranya seseorang itu mempunyai pinjaman termasuk kad kredit dengan sesebuah institusi kewangan, rekod pinjaman / kad kredit tersebut akan dihantar oleh institusi kewangan terbabit kepada Bank Negara Malaysia melalui CCRIS.”

Masalah Kewangan Anda

Anda boleh menghantarkan masalah berkaitan kewangan anda kepada

ringgit@crrc.org.my

atau menulis kepada


Ruangan Masalah

**Kewangan Anda,
Ringgit,
No 1D-1 Bangunan SKPPK,
Jalan SS 9A/17,
47300 Petaling Jaya,
Selangor**

Pembeli Bijak



AKPK



**Cari tawaran
terbaik**



**Masalah
Kewangan
Anda**

Anda boleh menghantarkan masalah berkaitan kewangan anda kepada ringgit@crcc.org.my atau menulis kepada Ruangan Masalah Kewangan Anda, Ringgit, No 1D-1, Bangunan SKPPK, Jalan SS9A/17, 47300 Petaling Jaya Selangor.



FOMCA - 1st Malaysia Consumer App

Make a statement by knowing your rights as a consumer

Download Now




Consumers can now lodge a complaint at the tip of their finger. They can snap a picture and immediately send to FOMCA using the App.

The App is currently available for all Android phones as well as the Iphones.

Features

- Complaints
- News
- Campaigns
- Publications
- About FOMCA



Bank Negara Malaysia

Talian Tol : 1-300-88-5465
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman sesawang : www.bnm.gov.my

Persatuan Bank-Bank Malaysia (ABM Connect)

Talian Tol : 1-300-88-9980
E-mel : banks@abm.org.my
Laman sesawang : www.abm.org.my

Agenzi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Talian Tol : 1-800-88-2575
E-mel : enquiry@akpk.org.my
Laman sesawang : www.akpk.org.my

Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)

Talian am : 03-2272 2811
E-mel : enquiry@fmb.org.my
Laman sesawang : www.fmb.org.my

Sebarang maklum balas sila e-melkan kepada
ringgit@crcc.org.my